



**KENYATAAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGGUNAAN SISTEM E-JAMIN DITERUSKAN

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) ingin merujuk kepada isu pembatalan sistem e-Jamin seperti yang tular di semua platform media pada hari ini.

BHEUU, JPM ingin menegaskan bahawa keputusan pembatalan ini telah diambil tanpa sebarang pengetahuan dan perbincangan dengan bahagian ini yang sepatutnya ia perlu dirujuk dan mengambil kira pandangan daripada semua pihak yang berkaitan.

Justeru itu, pihak Jabatan Perdana Menteri telah pun membuat keputusan untuk meneruskan penggunaan sistem e-Jamin selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI dan hasrat YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang menggalakkan inisiatif pendigitalan sistem perkhidmatan kerajaan bagi kemudahan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
17 Mei 2024**